

25 SEP 1997

MIMOS DAN DTI UK ANJUR SEMINAR MENGENAI MIKROELEKTRONIK

KUALA LUMPUR, 25 Sept (Bernama) -- Mimos Bhd akan bekerjasama dengan Jabatan Perdagangan dan Industri United Kingdom (DTI) untuk menganjurkan satu seminar dan pameran mengenai "Mikroelektronik dalam Perniagaan" (MIB) di sini pada November ini.

Pengarah MIB dan juga penasihat kepada DTI, Michael Shortland, hari ini berkata mereka kini sedang bekerjasama rapat dengan MIMOS untuk menyediakan maklumat terperinci dan khusus mengenai program itu.

Seminar itu dijadualkan berlangsung pada 20 Nov.

"Program ini adalah ganjaran oleh kerajaan UK menerusi DTI kepada Malaysia hasil daripada lawatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir ke UK awal tahun ini," katanya pada persidangan berita di Suruhanjaya Tinggi Britain di sini.

MIB, yang diusahakan oleh DTI UK pada 1995, adalah badan yang menawarkan pengurusan seminar dan dibentuk untuk memberi maklumat mutakhir tentang teknologi dan reka bentuk terkini dalam industri mikroelektronik kepada pembuat dasar dan syarikat berkenaan.

"Kami berharap program MIB ini akan menjadi titik permulaan kepada syarikat UK untuk memindahkan kepakaran mereka dan membantu membangunkan industri mikroelektronik di Malaysia," tambahnya.

Shortland berkata program MIB itu juga boleh menjadi medan pertemuan pertama bagi CEO dan penggubal keputusan untuk bertukar-tukar idea bagi mempercepatkan pembangunan industri mikroelektronik di Malaysia. -- BERNAMA

RIZ ZK MA